

'Luar biasa anak kampung kami terima ijazah'

SERDANG – “Memang luar biasa kalau anak kampung kami terima ijazah,” kata seorang bapa daripada kaum Orang Asli suku Temuan yang dikenali dengan nama Jaya.

Katanya, sehingga kini hanya empat orang dalam kampungnya di Kampung Chergun di Batu Kikir, Negeri Sembilan pernah menerima ijazah.

Bapa kepada graduan Universiti Putra Malaysia (UPM), Jay Nurivanna Asrienza penerima ijazah pada Majlis Konvokesyen ke-40 kelmarin, berkata, gembira dengan kejayaan diperoleh anaknya.

Sementara itu, penerima Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat itu berharap kejayaannya menjadi contoh kepada penduduk kampung.

“Penduduk kampung kami berjumlah 120 orang jarang teruskan pelajaran selepas tamat sekolah rendah apatah lagi meneruskan pengajian ke peringkat universiti, mereka lebih selesa kerja kampung.

“Saya harap kejayaan ini jadi contoh buat semua penduduk Orang Asli supaya meningkatkan taraf pelajaran untuk ubah nasib keluarga dan penduduk kampung,” katanya.